



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 2/2026

JUMAAT, 27 FEBRUARI 2026 (9 RAMADAN 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urus bandaraya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. MAJLIS BANDARAYA RANGKUL ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2025

Program Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C) merupakan program di bawah Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dengan sokongan daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sejak tahun 2019, ia merupakan satu inisiatif penting ke arah menjadikan Malaysia sebuah bandar rendah karbon menjelang tahun 2030.

Program ini bertujuan untuk memberikan panduan lengkap serta mempercepatkan pertumbuhan zon-zon rendah karbon di bandar-bandar utama di seluruh Petaling Jaya. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan penyertaan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan, komuniti, dan khususnya syarikat-syarikat swasta, dalam mengurangkan pelepasan karbon melalui pelaksanaan amalan-amalan lestari seperti:

- a) Pengurusan tenaga dan sumber air yang cekap
- b) Penggunaan teknologi hijau
- c) Pengurangan sisa pepejal dan pelaksanaan amalan 3R
(Reduce, Reuse, Recycle)

- d) Pengangkutan mesra alam dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus mengukuhkan komitmennya dalam agenda kelestarian apabila berjaya meraih **empat anugerah pada Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025** yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dengan kerjasama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) iaitu :

- a) Pengiktirafan 4 Diamond – Pusat Inovasi Petaling Jaya, MBPJ
- b) Pengiktirafan 3 Diamond – Sekolah Kebangsaan Sri Kelana
- c) Pengiktirafan 2 Diamond – 1 Utama Shopping Centre
- d) Pengiktirafan 2 Diamond – Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

Pengiktirafan ini membuktikan kejayaan pendekatan kolaboratif MBPJ bersama rakan strategik, institusi pendidikan dan sektor swasta dalam memperkukuh agenda pengurangan karbon serta memperkasakan amalan hijau di Petaling Jaya.

3. **BAZAR RAMADAN MBPJ 2026 : LESTARI DAN PRIHATIN**

Bazar Ramadan **Lestari Dan Prihatin 2026** yang melibatkan 18 lokasi dengan keseluruhan 1,260 petak dan berteraskan dua komponen utama, iaitu **Lestari** dan **Prihatin**. Pendekatan ini selaras dengan komitmen MBPJ untuk memperkukuh tadbir urus bazar yang lebih sistematik dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.

Di bawah komponen **Lestari**, MBPJ menekankan amalan perniagaan mesra alam melalui penggunaan pembungkusan biodegradasi, pengurusan sisa yang efisien serta pelaksanaan Program Kitar Semula Minyak Masak. Peniaga diwajibkan menggunakan pembungkusan mesra alam sebagai langkah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dan menyokong agenda kelestarian bandar.

Komponen **Prihatin** pula memberi tumpuan kepada penyediaan juadah berbuka puasa dan harga berpatutan bagi membantu meringankan kos sara hidup. Peniaga turut digalakkan melaksanakan konsep jualan sambil menderma sebagai simbol nilai ihsan dan kebersamaan sepanjang Ramadan.

Lebih mengujakan, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli merasmikan inisiatif *Ramadan On Wheels@PJ* yang akan bergerak ke enam lokasi kediaman terpilih. Menerusi program ini, barangan kitar semula seperti plastik dan tin yang dikumpulkan penduduk akan ditukarkan kepada barangan makanan mengikut berat yang ditetapkan sekali gus menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan komuniti.

Sebagai langkah memperkukuh pelaksanaan program, MBPJ turut melaksanakan Kupon Digital Bazar Ramadan di beberapa lokasi terpilih. Selain itu, Kod QR Aduan Bazar Ramadan 2026 juga diperkenalkan bagi memudahkan peniaga dan orang awam

menyalurkan maklum balas secara pantas dan berkesan.

Dalam aspek penguatkuasaan, MBPJ menegaskan pendirian tegas tanpa kompromi terhadap sebarang pelanggaran syarat lesen, termasuk larangan menggaji pekerja warga asing serta menjual atau menyewakan petak kepada pihak ketiga. Tindakan pembatalan lesen dan sitaan akan diambil sekiranya peraturan tidak dipatuhi.

Bagi mengiktiraf kecemerlangan usahawan mikro, MBPJ akan menganugerahkan Anugerah Usahawan Mikro Lestari dan Prihatin 2026 kepada 20 pemenang yang memenuhi kriteria ditetapkan meliputi aspek pematuhan, kebersihan, pendigitalan, inovasi, keceriaan dan penjagaan alam sekitar. Setiap pemenang akan menerima wang tunai RM 500.00 serta keistimewaan memilih nombor petak bagi Bazar Ramadhan tahun berikutnya.

Pelaksanaan Bazar Ramadhan ini mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memastikan pengurusan bazar yang lebih mampan, berdaya saing dan inklusif, selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya paling bahagia dan mampan untuk semua.

4. MBPJ PERKUKUH TADBIR URUS BANDAR MESRA KANAK-KANAK PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya memperkukuh komitmen terhadap pembangunan bandar raya inklusif menerusi Pelantikan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya 2026/2027.

Komitmen dan iltizam yang berterusan dalam membudayakan pendekatan Bandar Mesra Kanak-Kanak merupakan sebahagian daripada tadbir urus bandar. Seramai 30 orang kanak-kanak telah dilantik sebagai Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya bagi sesi 2026/2027.

Pelantikan Ahli Majlis Kanak-Kanak bukan sekadar simbolik, sebaliknya merupakan satu amanah dan pengiktirafan MBPJ terhadap peranan kanak-kanak sebagai rakan strategik dalam proses perancangan dan pembangunan bandar. Melalui platform Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya, MBPJ memberi ruang kepada mereka untuk terlibat secara langsung dalam perancangan dan penambahbaikan inisiatif bandar yang memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya bagi sesi 2024/2025 telah terlibat dalam pelbagai program pembangunan kapasiti dan kepimpinan, termasuk Ekspo Bandar Mesra Kanak-Kanak, Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, serta sesi pengumpulan input kanak-kanak bagi menyokong penggubalan dasar dan pelan pendidikan bandar.

Penglibatan ini turut diperluaskan melalui program berteraskan perancangan bandar seperti *Safer Streets Workshop*, yang menumpukan aspek keselamatan perjalanan ke sekolah, *Student Placemaking Workshop* yang melibatkan kanak-kanak dalam reka bentuk ruang awam, serta pelaksanaan projek hentian bas mesra kanak-kanak, iaitu idea dan pandangan kanak-kanak diterjemahkan kepada penambahbaikan kemudahan awam.

Selain itu, mereka turut aktif dalam program komuniti melalui inisiatif penyediaan *Book Nook* dan *Toy Library* bersama komuniti B40 bertujuan memupuk nilai empati, tanggungjawab sosial dan kefahaman terhadap cabaran kehidupan bandar.

Manakala bagi sesi 2026/2027 pula, Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya akan meneruskan penglibatan dalam pelbagai program kepimpinan dan pembinaan kapasiti, termasuk penyertaan dalam *PJ International Youth Leadership Camp* yang dijadualkan berlangsung pada Ogos 2026, melibatkan interaksi bersama kanak-kanak dari beberapa bandar antarabangsa bagi membina keyakinan dan kepimpinan generasi muda.

MBPJ percaya bahawa penyertaan kanak-kanak secara langsung bukan sahaja mampu memperkukuh proses perancangan dan pelaksanaan dasar bandar, malah berperanan membentuk generasi yang berfikiran kritikal, berkeyakinan dan bertanggungjawab. Selaras dengan aspirasi Bandar Mesra Kanak-Kanak, MBPJ kekal komited

menyediakan platform yang selamat, inklusif dan berkesan bagi memastikan suara kanak-kanak didengar serta diterjemahkan dalam pembangunan Petaling Jaya, ke arah bandar yang lebih mampan, progresif dan berdaya huni untuk generasi akan datang.

5. **PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS)**

Pelaksanaan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP MBPJ)** telah dirangka dengan mengambil kira risiko serta cadangan penambahbaikan berasaskan prinsip integriti dan governans. MBPJ juga dalam proses membuat kajian semula OACP selaras dengan strategi pembanterasan Antirasuah Kebangsaan (NASC). Manakala pengurusan **CRM (Corruption Risk Management)** dalam semua proses utama dan sokongan, khususnya dalam proses perolehan, pelan pembangunan dan urus tadbir kontrak agar bebas dari elemen salah guna kuasa dan penyelewengan.

Sebagai pihak berkuasa tempatan yang sentiasa komited terhadap nilai akauntabiliti, integriti dan tadbir urus yang baik, MBPJ menyambut baik pelaksanaan **Pengauditan Pensijilan baru Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001 : 2025** yang diadakan pada 23-25 Februari oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd sebagai satu proses penilaian yang konstruktif, serta peluang untuk menambah baik sistem sedia ada.

Selain itu, audit ini juga memberi ruang kepada Majlis untuk menyemak semula dasar, pelaksanaan dan inisiatif yang telah diambil, agar ia

sentiasa selaras dengan prinsip pentadbiran beretika dan bebas rasuah. Majlis percaya bahawa melalui audit ini, MBPJ dapat terus memperkukuh langkah-langkah pencegahan rasuah dan meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Majlis telah berjaya memperbaharui pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) versi ISO 37001: 2025 untuk tiga tahun akan datang bagi perkhidmatan PBT merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan kerajaan tempatan. Pencapaian ini bukti komitmen Majlis terhadap integriti, ketelusan dan tadbir urus yang cemerlang.

6. PROGRAM PETALING JAYA WATCH (PJ WATCH)

Program *PJ Watch* telah memberikan impak yang sangat positif sepanjang pelaksanaannya. Program yang berteraskan pendidikan serta penguatkuasaan ke atas pembuangan sampah haram secara bersasar ini diteruskan lagi dalam menjadikan Petaling Jaya Mampan, Pintar dan Berdaya Tahan 2030. Status pelaksanaan **sepanjang tahun 2025 dan tahun 2026** adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA		JUMLAH TINDAKAN	
			TAHUN 2025	TAHUN 2026 (Januari- Februari 2026)
1.	Jumlah Lokasi <i>Hotspot</i> Sampah Haram		48 Lokasi	24 Lokasi (50% diisytihar bersih)
2.	Jumlah <i>Hotspot</i> Yang Dilengkapi CCTV Bergerak		15 Lokasi	17 Lokasi
3.	Jumlah Penemuan Kes Sampah Haram Melalui CCTV	Individu	46 individu	4 individu
		Kenderaan	35 kenderaan	7 kenderaan
		Syarikat	4 syarikat	-
4.	Jumlah Kompaun Di Bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007		708	46
5.	Jumlah Tangkapan	Individu	93 individu	30 individu
		Kenderaan	17 kenderaan	2 kenderaan
		Syarikat	57 syarikat	8 syarikat
6.	Hebahan Media Sosial dan Media Nasional		17 kali	7 kali
7.	Program Pendidikan		50 kali	8 kali

Bagi memastikan kesinambungan impak program ini kepada warga Petaling Jaya, ianya diperluaskan melalui aspek pendidikan dan kolaborasi bersama rakan-rakan strategik MBPJ serta dijadikan platform perkongsian pintar. Penganjuran sesi libat urus bersama Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT), Badan Pengurusan Bersama (JMB), dan pusat-pusat pendidikan dengan kaedah lebih interaktif akan dilaksanakan bagi memupuk kesedaran di kalangan warga Petaling Jaya secara inklusif.

Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru agar warga Petaling Jaya komited dalam menjaga kebersihan dan kelestarian bandar raya demi kesejahteraan serta kebahagiaan penduduk.

7. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam melaksanakan operasi - operasi penguatkuasaan secara bersepadu khususnya berkaitan penggajian warga asing tanpa kebenaran bersama agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif dan holistik.

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu ini memberikan impak dan maklumbalas yang positif khususnya daripada komuniti Petaling Jaya. Berikut statistik pelaksanaan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang bulan Februari 2026 :

BIL.	OPERASI	TINDAKAN PENGUATKUASAAN
1.	Operasi Bersepadu	3
2.	Semakan Premis Dan Aktiviti Penjaja	236
3.	Penahanan Warga Asing	62
4.	Tindakan Sitaan	7
5.	Tindakan Kompaun	29
6.	Tindakan Notis	10
7.	Penutupan Premis Perniagaan	2

Manakala, berikut statistik operasi dan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025 :

BIL.	OPERASI	TINDAKAN PENGUATKUASAAN
1.	Operasi Bersepadu	18
2.	Semakan Premis Dan Aktiviti Penjaja	289
3.	Penahanan Warga Asing	1,138
4.	Tindakan Sitaan	91
5.	Tindakan Kompaun	44
6.	Tindakan Notis	14
7.	Penutupan Premis Perniagaan	60

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada perundangan yang diguna pakai. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis memohon agar semua pihak sentiasa cakna serta mematuhi perundangan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Insya-Allah, pada 13 Mac 2026 bersamaan 23 Ramadan 1447, **Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj** akan berangkat untuk menunaikan solat Jumaat bersama rakyat di Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu, saya ingin mempersilakan semua Ahli Majlis dan pegawai lelaki yang beragama Islam untuk hadir bersama-sama.

Mewakili Majlis, saya ingin merakamkan salam takziah buat keluarga warga kerja Majlis, Allahyarham Ahmad Mir Hakim bin Abdul Haziman dan Allahyarhamah Nurul Alia binti Razak yang telah meninggal dunia pada 9 Februari 2026 bersamaan 21 Sya'ban 1447H. Didoakan roh mereka dicucuri rahmat Allah SWT serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Al-Fatihah

Sekian, terima kasih.